



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SIARAN MEDIA

PROGRAM JOM MASUK U 2024 (JMU2024)

Program Jom Masuk U 2024 (JMU2024) memulakan siri jelajah ke 10 zon di seluruh negara bermula hari ini hingga 9 Jun 2024 dengan majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar hari ini.

JMU2024 merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan maklumat kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) selain menggalakkan pelajar untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, penganjuran JMU2024 ini juga bertujuan untuk mempromosi maklumat mengenai program pendidikan yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi di bawah KPT yang merangkumi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) serta penglibatan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). JMU2024 menyasarkan kumpulan pelajar yang menduduki peperiksaan SPM, STPM, Matrikulasi, Asasi, STAM dan Diploma/Setaraf.

Sepanjang program JMU2024, calon-calon lepasan SPM dan STPM/Setaraf turut boleh memohon dan mengemaskini permohonan UPUOnline® yang telah dibuka pada permohonan Fasa 2 mulai 29 April 2024 hingga 09 Jun 2024, jam 5.00 petang.

Sehubungan itu, pelbagai aktiviti menarik ditawarkan sepanjang JMU2024 berlangsung antaranya pameran, sesi konsultasi UPUOnline®, konsultasi penajaan/biasiswa/ pinjaman dan bantuan kewangan pendidikan tinggi, terjah *booth* IPTA, cabutan bertuah, *campus tour*, persembahan pelajar, aktiviti bersama alumni dan banyak lagi.

KPT menjemput semua pihak khususnya pelajar, ibu bapa, penjaga, guru, kaunselor dan orang awam agar turut serta dalam JMU2024 dan mengucapkan selamat maju jaya bagi pemohon UPUOnline® Sesi Akademik 2024/2025.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan UPUOnline® boleh dimajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA secara terus di alamat berikut:-

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

No. Tel: 03-8684 2363

E-mel: upu@mohe.gov.my

Facebook: KEMASUKAN BPKP JPT

Instagram: @KEMASUKANBPKA

TikTok: BKPAUPU

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
4 MEI 2024**

SENARAI SEPULUH (10) ZON PROGRAM JOM MASUK U 2024 (JMU2024)

4 MEI 2024 HINGGA 9 JUN 2024

The infographic features a central title 'Jom Masuk U 2024' with a graduation cap icon, set against a background of glowing blue and purple lines. Below the title, ten zones are listed in a grid format, each with a date, a number, a zone name, and a location. The zones are: 1. ZON TENGAH I (4-5 Mei 2024, Dewan Seri Iskandar UITM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar); 2. ZON TENGAH II (11-12 Mei 2024, Pusat Kajian dan Penyelidikan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (UPM)); 3. ZON SARAWAK I (The Hill, Kuching); 4. ZON SARAWAK II (Dewan Canselor Tun Abdul Aziz Mahamad, Universiti Teknologi Sarawak, Sibu); 5. ZON SABAH I (Dewan Sukan Tertutup, Kompleks Sukan Tawau); 6. ZON TIMUR I (Dewan Tunku Canselor UMK, Bachok); 7. ZON UTARA (Dewan Ilmu, Kampus Alam Pauh Putra, UniMAP); 8. ZON TIMUR II (Kompleks Sukan UMPSA, Kampus Gambang); 9. ZON SELATAN (Dewan Sultan Ibrahim, UTHM Batu Pahat); 10. ZON SABAH II (Dewan Al-Bukhari, UITM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu). At the bottom, there are social media icons for Facebook (KEMASINIAN BAKP DPT), TikTok (@BINAUPU), Instagram (@BINAUSAHABINA), YouTube (@BINAUPU), and Telegram (BINAUPU ONLINE CHANNEL). Logos for MALAYSIA MADANI and UPU ONLINE are also present.

Date	Zone	Location
4 - 5 Mei 2024	1 ZON TENGAH I	Dewan Seri Iskandar UITM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar
11 - 12 Mei 2024	2 ZON TENGAH II	Pusat Kajian dan Penyelidikan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (UPM)
18 - 19 Mei 2024	4 ZON SARAWAK II	Dewan Canselor Tun Abdul Aziz Mahamad, Universiti Teknologi Sarawak, Sibu
25 - 26 Mei 2024	6 ZON TIMUR I	Dewan Tunku Canselor UMK, Bachok
1 - 2 Jun 2024	8 ZON TIMUR II	Kompleks Sukan UMPSA, Kampus Gambang
8 - 9 Jun 2024	10 ZON SABAH II	Dewan Al-Bukhari, UITM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu
	3 ZON SARAWAK I	The Hill, Kuching
	5 ZON SABAH I	Dewan Sukan Tertutup, Kompleks Sukan Tawau
	7 ZON UTARA	Dewan Ilmu, Kampus Alam Pauh Putra, UniMAP
	9 ZON SELATAN	Dewan Sultan Ibrahim, UTHM Batu Pahat